



Headline: Tujuh lelaki disyaki ahli sindiket pinjaman wang haram ditahan Language: Malay

Publication/Portal: Sinar Harian

Date: 13 September 2019

Section: Nasional

Page: 19

Tujuh lelaki disyaki ahli sindiket pinjaman wang haram ditahan

KUALA LUMPUR - Polis menahan tujuh lelaki disyaki ahli sindiket pinjaman wang haram dan penipuan Macau Scam dalam operasi di sekitar ibu negara Selasa lepas.

Timbalan Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Roslan Bek Ahmad berkata, kesemua suspek berusia 21 hingga 42 tahun itu ditahan anggota polis Bahagian Siasatan Jenayah Komersial Ibu Pejabat Polis Daerah Sentul.

"Polis merampas barangan seperti 72 keping kad ATM dan 58 keping kad sim dipercayai digunakan untuk aktiviti penipuan.

"Suspek aktif melakukan penipuan Macau Scam, pin-



Roslan Bek (tengah) pada sidang media mengenai tangkapan melibatkan 'scammers' di Ibu Pejabat Kontinjen Kuala Lumpur semalam.

jaman tidak wujud dan juga memberi pinjaman wang tanpa lesen sejak tiga hingga enam bulan lepas," katanya kepada pemberita di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur di sini semalam.

Siasatan awal menda-

pati, sindiket itu dipercayai turut terlibat dalam 11 kes penipuan membabitkan kerugian hampir RM300,000.

Mengulas lanjut, Roslan Bek berkata, modus operandi sindiket itu adalah meminta mana-mana individu

yang membuat pinjaman wang menyerahkan nombor akaun bank dan kad ATM milik mereka.

"Penyerahan kad ATM atau nombor akaun bank itu dibuat kononnya untuk memudahkan urusan bayaran balik pinjaman namun siasatan mendapati suspek menggunakan akaun bank itu untuk aktiviti penipuan lain," katanya.

Kesemua suspek direman selama empat hari sehingga esok untuk siasatan lanjut.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu. - *Bernama*